

Institusi Pendidikan ABIM Perak: Satu Penilaian Awal

Oleh:

Haji Mahyuddin bin Haji Ashaari

Abstract

For any institution of learning to sustain its credibility, more so its quality it must allow itself to be regularly if not continuously assessed and appraised so that the findings will be useful for the betterment of the institution. In this respect Perak State, which has been considered the most successful of ABIM's educational venture in the country has added four more schools within two years: one Tahfiz school, two primary schools, and one secondary school. This paper underscores some of the important issues surfaced in the running of these schools. As has been indicated there are four types, namely TAHFIZ (memorization of al-Qur'an), TASKI (Pre-School), SERI (Primary) and SEMI (Secondary) in the Perak State have been appraised. Even though problems faced by each type of school vary, but what is revealing is that there are a few universal problems that the Yayasan should address. One is the quality of teachers, both academic and professional aspect, second, the physical aspects such as school building and classrooms, and third, instructional materials. Of course the overriding component in any educational venture is none other than the policy-implementation body, the Yayasan itself whose task must be geared towards monitoring and giving guidance for a better quality.

Perkembangan dan Kualiti

Perkembangan Sekolah

Institusi pendidikan ABIM Perak berkembang selangkah ke hadapan, dengan tertubuhnya dua buah Sekolah Rendah, pada tahun 2001 iaitu Sekolah Rendah Islam (SERI) Al Ummah Taiping dan SERI Al Ummah Manjong, dan sebuah Sekolah Menengah; iaitu Maahad Lil Banat, Behrang. Seterusnya pada awal tahun 2002 kelas Tahfiz Al Quran dan kelas Al Azhariah berjaya dilancarkan di Maahad Al Ummah, Ipoh. Berikut dengan itu, bangunan baru SERI Al Ummah Chemor, telah dapat digunakan sepenuhnya, dan pengambilan pelajar pada tahun ini dapat ditambah kepada 428 orang murid.

Sementara itu Maahad Lil Banat, telah berpindah ke Behrang, bila sesi persekolahan tahun 2002 dimulakan, bangunan baru Maahad Lil Banat, hanya dapat disiapkan pada awal bulan Februari 2002. Pelajar-pelajar ditempatkan sementara di rumah sewa dan di rumah saudara Haji Shafie Mansor, YDP ABIM Daerah Tanjong Malim. Jumlah pelajar pada masa ini ialah 34 orang.

Mengikuti perancangan, pada tahun 2002 dua buah lagi sekolah rendah Islam- SERI al Ummah ditubuhkan, sebuah di Daerah Kinta dan sebuah lagi di Daerah Bagan Serai/ Parit Buntar. Tetapi setelah usaha dibuat ada beberapa halangan yang belum dapat diatasi, penubuhan kedua-kedua buah SERI ini ditangguhkan pada tahun 2003. Bagaimanapun ABIM daerah yang berkenaan terus berusaha mencari jalan bagi merealisasikan projek penubuhan sekolah ini. Isu besar yang timbul untuk penubuhan sekolah rendah ialah soal menentukan lokasi sekolah yang sesuai. Tempat strategik perlu dikenal pasti terlebih dahulu, bagi menarik minat masyarakat Islam setempat menghantar anak mereka ke sekolah ini.

Institusi Pendidikan Pra Sekolah; Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKI)

TASKI adalah program pendidikan formal ABIM yang paling awal diperkenalkan, perkembangan TASKI pada peringkat awal penubuhannya, iaitu pada tahun lapan puluhan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli-ahli ABIM dan masyarakat Islam, terutamanya di kawasan bandar yang tertumpu di taman-taman perumahan. Masyarakat tertarik dengan pendidikan pra sekolah yang memperkenalkan Kurikulum Pendidikan Bersepadu, iaitu kurikulum berteraskan ilmu dan nilai-nilai Islam (uhkrawi) yang disepadukan dengan pengetahuan dan kemahiran kehidupan seharian (dunaiwi). Pada masa itu pimpinan ABIM di semua peringkat memberi tumpuan yang mendalam terhadap bidang pendidikan. Program seminar, simposium dan ceramah-ceramah mengenai pendidikan dan pembinaan insan dijadikan aktiviti utama ABIM bagi menyemarakkan idealisme pendidikan Islam. Dengan gagasan untuk melahirkan generasi khaira ummah; yang dapat menghayati dan mengamalkan Islam sebagai al-din. Ternyata usaha ini memberi kesan menggalakkan, hasilnya pendidikan pra sekolah ABIM yang mengguna jenama TASKI terus mendapat sambutan. Ibubapa yang memilih TASKI untuk menyekolahkan anak mereka, berpendapat bahawa TASKI ABIM bertujuan menghidupkan nilai-nilai Islam dalam diri kanak-kanak, khususnya dalam menyemai akhlak mulia; seperti hormat, taat dan patuh kepada ibubapa, keluarga dan jiran tetangga. Kata mereka; "TASKI dapat menghidupkan amalan dan penghayatan Islam; misalnya berdoa ketika hendak makan, tidur, bangun dari tidur, berjalan atau musafir" serta amalan lain yang mengukuhkan tradisi hidup Islam seperti yang dianjurkan oleh Baginda Rasulullah s.a.w. Murid TASKI berjaya diasuh dan dibiasakan dengan kemahiran berkomunikasi, asas membaca, menulis dan mengira. Kurikulum TASKI juga melatih murid cara bergaul, dengan menanam semangat persahabatan, berkerjasama melalui aktiviti-aktiviti permainan dan bersukan.

Bagaimanapun TASKI tidak dapat berkembang di kampung atau di pedalaman, masalah ini berpunca daripada kekurangan guru terlatih dan kewangan. Perjalanan TASKI sangat bergantung kepada pengurusan, yuran dan guru yang berkesanggupan menerima ganjaran kewangan yang sangat sederhana, serta tempat

operasi yang sesuai. Pada peringkat awal operasi sekitar tahun 1980, banyak TASKI ditubuhkan di surau, sekolah agama rakyat, balai lintang masjid dan rumah-rumah sewa dalam taman perumahan. Bagaimana pun pada tahun-tahun sembilan puluhan terdapat TASKI beroperasi di bangunan sendiri atau kuarters kerajaan yang sesuai untuk kelas pra sekolah.

Menurut maklumat yang diperolehi daripada ABIM daerah-daerah seluruh Perak, pertumbuhan kelas-kelas baru TASKI di daerah tertentu agak berkurangan, terutamanya pada pertengahan dekad sembilan puluhan. Antara sebab-sebab yang dikenal pasti ialah timbulnya taman asuhan kanak-kanak Islam yang baru, yang di kendalikan oleh orang perseorangan atau badan-badan swasta yang lain. Justeru itu TASKI ABIM terdedah kepada persaingan dengan pihak lain, yang menganjurkan kelas pra sekolah Islam, kurikulum yang digunakan hampir sama dengan kurikulum TASKI. Sebab lain yang dinyatakan, bahawa isu timbul berpunca daripada kelemahan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran TASKI sendiri.

TASKI diurus dan ditadbir oleh ABIM daerah atau Lembaga Pengelola yang dilantik oleh ABIM di peringkat daerah. Kelemahan pengurusan berlaku mungkin berpunca daripada jawatankuasa atau lembaga pengelola TASKI berkenaan tidak dapat memberi tumpuan sepenuhnya kepada TASKI. Terutamanya dalam soal menyediakan peralatan dan kemudahan yang sesuai bagi sebuah kelas pra sekolah, soal kebajikan guru, seperti elaun atau gaji bulanan, kebanyakan guru-guru TASKI menerima elaun antara RM250.00 hingga RM400.00 sebulan. Terdapat TASKI di daerah tertentu menyerahkan soal pengurusan dan pentadbiran TASKI kepada guru, termasuk mengurus kewangan dan perhubungan luar. Ada beberapa kes di mana guru-guru senior TASKI daerah, bertindak keluar daripada pengurusan ABIM. Mereka menubuhkan TASKI sendiri dengan menggunakan kurikulum yang sama. Menurut kenyataan beberapa orang guru yang terlibat, bahawa mereka keluar daripada pengurusan ABIM untuk membolehkan mereka mengurus TASKI dengan lebih berkesan dan kreatif, kerana boleh menggunakan wang yuran dengan bebas tanpa perlu mendapat kelulusan daripada pihak pengurusan atau lembaga pengelola. Menurut Haji Kamaruddin Musa, selaku Ketua Esekutif Biro Pendidikan ABIM, Biro Pendidikan ABIM Pusat sesi 1993/95 telah mengkategorikan TASKI kepada kategori A,B dan C. TASKI yang iktiraf dan diperakukan dalam kategori 'A' sahaja layak berada di bawah pengurusan dan tanggungjawab ABIM. Sementara kategori 'B' boleh membuat pilihan sama ada kekal dalam pengurusan ABIM atau sebaliknya. Untuk kekal bersama ABIM beberapa perubahan dalam pentadbiran perlu dilakukan. TASKI dalam kategori 'C' dianggap terkeluar daripada tanggungjawab ABIM, dan tidak dibenarkan memakai nama TASKI. Langkah ini diambil ialah untuk menjaga mutu dan kualiti TASKI, di samping mengelak berlakunya salah faham dan kekeliruan, terutamanya di kalangan ibubapa dan ahli-ahli ABIM sendiri.

Berikutan dengan keputusan ini, beberapa orang bekas pimpinan ABIM di peringkat daerah dan ahli-ahli yang terdiri daripada guru-guru, mengeluarkan TASKI daripada naungan ABIM. Langkah ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada prestasi pertumbuhan dan perkembangan TASKI. Bagaimanapun pada awal tahun 2000 bilangan kelas TASKI meningkat lebih kurang 5 %. Pihak pengurusan TASKI di daerah perlu merancang dan mengambil langkah-langkah pro aktif bagi memastikan TASKI ABIM berada pada tingkat prestasi cemerlang. Strategi pengurusan perlu diberi tumpuan kepada aspek peningkatan profesionalisme dan kebajikan guru, di samping menyediakan prasarana kelas TASKI yang kondusif, seperti bangunan yang selesa, peralatan pengajaran dan pembelajaran yang terkini dan mencukupi, meningkatkan aktiviti permainan serta meningkatkan perhubungan antara guru dan jawatankuasa pengelola dengan ibubapa atau BAKA.

Menurut kajian Wan Rohaya Wan Yaacob dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bahawa kualiti guru TASKI pada keseluruhannya adalah pada aras sederhana. Kualiti ini dilihat dari segi latar belakang kelayakan akademik dan penilaian sendiri guru. Kajian ini juga mendapati bahawa komponen pelaksanaan kurikulum yang selaras dengan perkembangan kanak-kanak dan komponen pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran telah mencapai aras kualiti sederhana. Sementara pelaksanaan kurikulum pendidikan Islam mencapai aras kualiti baik. Bagaimana pun terdapat dua aspek yang berada pada aras kualiti sederhana paling rendah, iaitu aspek fizikal kelas dan hubungan guru dan ibubapa. (Wan Rohaya Wan Yaacob, "Penilaian Kualiti Program TASKI ABIM di Beberapa Kawasan di Negeri Selangor", UKM)

Dr.Abd.Aziz Jamain (UKM) berpendapat bahawa TASKI mempunyai pelbagai kekuatan dan terdapat juga pelbagai kecacatan. Bagi mengatasi kelemahan yang ada beberapa langkah perlu dilaksanakan, antaranya ialah menyusun dan melaksanakan program latihan guru dan pengurusan yang lebih dinamik. Di samping mengatur penyelidikan berterusan bagi menilai pelbagai dimensi pendidikan pra sekolah. (Dr.Abd.Aziz Jamain, Penelitian Terhadap Pendidikan Pra Sekolah: Mengunjur Masa Depan TASKI, Kertas kerja Seminar 2000)

Prestasi Guru Sekolah Menengah Islam (SEMI) dan SERI

Pendidikan merupakan usaha untuk membentuk, membina, melatih, memberi ilmu dan maklumat/kemahiran serta meminda akhlak mulia atau nilai-nilai murni kepada anak didik. Pendidikan juga berperanan mencetus dan menimbulkan minat murid untuk belajar, berfikir, beramal bagi mencapai tujuan dan hasrat yang terkandung dalam falsafah pendidikan Islam. Justeru itu pendidik atau guru adalah merupakan elemen terpenting dalam sebuah institusi pendidikan. Kejayaan sebuah institusi

pendidikan amat bergantung kepada kemampuan guru. Kita bimbang ada sesetengah pihak beranggapan bahawa, kerjaya pendidikan atau perguruan disamakan dengan perniagaan barang-barang dagangan yang lain. Faktor untung rugi yang bersifat kebendaan menjadi ukuran utama kepada maju mundurnya bidang pendidikan. Pendidikan yang berteraskan sains dan teknologi sahaja yang mampu memberi sumbangan kepada pembangunan negara, sementara pendidikan agama dan moral tidak dapat menyumbang kepada kemakmuran sebuah negara.

Pandangan ini merupakan cabaran utama kepada masa depan pendidikan yang berteraskan Islam atau kurikulum bersepadu. Semua institusi pendidikan yang ditubuhkan oleh ABIM menggunakan kurikulum pendidikan bersepadu yang berteraskan ilmu wahyu. Oleh itu usaha perlu dijalankan bagi merancang strategi menimbulkan keyakinan dan kesedaran masyarakat, terhadap keperluan dan kepentingan sekolah agama rakyat, yang melaksanakan pendidikan Islam. Antara masalah utama dalam pendidikan Islam pada masa kini ialah penyediaan guru terlatih yang berilmu dan berkemahiran dalam bidang pendidikan. Ramai calon guru yang berkelulusan dalam bidang ilmu tertentu, khususnya dalam ilmu-ilmu Islam, tetapi amat kurang guru yang dapat melaksanakan pendidikan mengikut hasrat dan cita-cita seorang murabbi, muaddib dan murshid yang menepati kehendak falsafah pendidikan Islam. Iaitu guru atau pendidik yang mampu menghayati budaya ilmu dan intelektual, dan sentiasa berusaha merangsang pelajar ke arah meningkatkan ilmu dan akhlak di samping memupuk dan membina daya berfikir kreatif di kalangan pelajar.

Dalam hubungan perkembangan sekolah, kita berbangga dengan Maahad Al Ummah. Pertumbuhan fizikal dan kemajuan yang dicapai, menjadi kebanggaan kepada warga ABIM. Kita amat menghargai usaha yang ditumpukan untuk memperkemas dan meningkatkan kualiti pendidikan dan pengajaran Maahad, yang sudah terkenal di negara ini khususnya di Perak. Bagaimana pun bagi menjamin tercapainya prestasi pendidikan yang berkualiti dan bermutu tinggi, terutamanya dalam konteks pendidikan bersepadu, beberapa perkara yang berkaitan dengan pengurusan kurikulum dan perguruan perlu diberi perhatian. Menurut pemerhatian saya pada keseluruhannya prestasi pengurusan kurikulum Maahad Al Ummah adalah baik. Misalnya aspek penyediaan ringkasan mengajar, pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah, latihan mengikut matapelajaran dan penggunaan buku teks.

Meskipun demikian, ada beberapa faktor yang perlu diberi perhatian, antaranya pengajaran guru terlalu bergantung kepada sukatan pelajaran dan buku teks, hal ini berlaku oleh kerana terhambat oleh desakan peperiksaan awam seperti UPSR, PMR dan SPM atau Sijil 'Idadi dan Thanawi. Dalam konteks pendidikan bersepadu, tumpuan yang berlebihan kepada orientasi peperiksaan akan menghakis penjiwaan budaya ilmu dan kreativiti berfikir pelajar. Pelajar terbawa-bawa dalam

arus peperiksaan. Sementara pihak guru pula, hanya merujuk kepada buku teks, format atau skema jawapan dan soalan yang lalu. Malah bahan inilah yang menjadi panduan utama dalam menyediakan rancangan mengajar harian dalam bilik darjah. Sedangkan objektif utama institusi pendidikan kita ialah melahirkan generasi 'khaira ummah'. Lulus dalam peperiksaan merupakan objektif sampingan yang perlu diberi perhatian, tetapi matlamat akhir pendidikan ABIM yang berteraskan falsafah pendidikan Islam, perlu dijadikan kerangka utama dalam merancang pengajaran dalam bilik darjah, dan diperkukuhkan melalui aktiviti-aktiviti ko-kurikulum dan ekstra kurikulum, sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Menurut Ahmad bin Mohammad Said, seorang pakar bidang falsafah pendidikan bersepadu, "guru mestilah menguasai dan memahami ilmu yang diajar secara menyeluruh dan mendalam, terutamanya kandungan ilmu tersebut (*content of knowledge*)". Dengan ini guru dapat mengembangkan minat pelajar dan menghidupkan keperluan dan kepentingan ilmu dalam kehidupan seorang insan. Bagi memesrakan ilmu dengan pelajar, hubungan guru-murid hendaklah dipertingkatkan. Dalam satu pertemuan dengan guru-guru, antara isu utama yang ditimbulkan oleh guru ialah, pelajar tidak minat belajar matapelajaran al Azhar (aliran Bahasa Arab), pelajar tidak hormat guru, sebahagian pelajar mengantuk dalam kelas, pelajar suka menggunakan kata-kata kasar, ada pelajar ponteng kelas pada waktu tertentu.

Menurut pakar pendidikan dan psikologi masalah besar dalam pendidikan hari ini ialah komunikasi. "Comunication is the most difficult thing in the world". Ada yang menyatakan,

"The greatest tragedy in education is that most teachers know their subjects, but they don't know their student. They don't know how their students process information, they don't know their students' representational systems, they don't know how their students' mind work." (*Unlimited Power, Pocket Books, 2001, p.250*).

Berpandukan pengalaman dalam kerjaya sebagai pegawai pendidikan, isu yang disebutkan oleh guru di atas adalah berpunca daripada masalah komunikasi guru dengan murid. Tidak ramai guru bersedia mempertimbangkan rungutan dan keluhan seorang murid. Bila guru membiarkan murid berada dalam keadaan tertekan, 'confused', serba salah atau dilema. Hubungan guru-murid jadi masalah, dalam suasana begini bagaimana mungkin ilmu pengetahuan atau nilai-nilai dapat dialirkan ke dalam diri pelajar. Pelajar tidak dapat berada dalam bilik darjah dengan selesa dan tenang. Hubungan guru-murid terhalang oleh perasaan saling bertentangan. Kerana proses pembelajaran seseorang adalah bergantung kepada fikiran, perasaan, penglihatan, pendengaran, dan suasana keliling yang memberangsangkan. (*Unlimited Power, p.251*). Komunikasi yang berkesan dapat membina hubungan guru-murid dengan berkesan. Dengan cara ini pembelajaran

dan pengajaran di sekolah berjalan dengan selesa dan menyeronokkan.

Kejayaan sebuah institusi pendidikan amat bergantung kepada kemahiran guru dalam kaedah penyampaian (*teaching skill*). Lebih 90 % Guru-guru Maahad dan Seri Al Ummah, mempunyai sijil/ diploma pendidikan. Kebanyakan guru mempunyai pengalaman mengajar lebih dari enam tahun. Berasaskan pemerhatian dan penyeliaan terdapat ramai guru tidak mengamalkan kaedah mengajar bila berada dalam bilik darjah (*teaching method*), sepertimana yang dikehendaki profesion pendidikan. Yang lazim berlaku ialah guru menggunakan kaedah '*chalk and talk*', memberi syarahan, meminta murid membaca teks daripada buku dengan didengari oleh yang lain. Alat bantu mengajar kurang digunakan, kurang memberi latihan, khususnya dalam matapelajaran bahasa (Melayu, Arab dan Inggeris) Keadaan ini menimbulkan suasana pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah tidak menarik, membosankan, minda pelajar tidak aktif dan guru kepenatan kerana terlalu banyak bercakap. Dalam banyak hal guru cenderung kepada kaedah menghafaz, mengingat dan mengulang, meskipun matapelajaran tersebut memerlukan kefahaman, contoh dan latihan yang merangsangkan budaya berfikir pelajar. A.L.Tibawi seorang tokoh pendidikan Islam, beliau menegaskan apabila merujuk kemunduran pendidikan dalam negara umat Islam;

" The problem is rooted in Arabic and Islamic practice in the age of decadence when reliance on memory and learning by rote, adherence to existing text and respect for authoritative opinion became established at lower or higher level of education. Once the original Arab oral tradition was superseded by fixed written material the teacher's function became more of a restrained transmitter and commentator and less of a resourceful adapter and innovator". (Islamic Education, 1979,p.211).

Perguruan merupakan bidang profesionalisme yang mempunyai sifat dan ciri-ciri tersendiri, para petugas bidang ini dikenali sebagai guru, pendidik, murabbi, muaddib, pendakwah dan sebagainya. Rasulullah s.a.w. bersabda, "bahawa aku dibangkitkan sebagai guru". Seorang guru adalah seorang yang berilmu, berakhlak mulia, bijaksana, berwawasan, penyabar dan sentiasa pro-aktif terhadap tugasnya. Status seorang guru yang berilmu berkedudukan pada darjat tertentu dan bertaraf ulamak. Sesungguhnya yang paling takut kepada Allah s.w.t. adalah golongan ulamak. (maksud ayat Surah Fathir;28). Sebahagian besar guru yang berkhidmat dengan semua SERI dan Maahad al Ummah dan Maahad Lil Banat mempunyai potensi untuk mencapai tahap guru yang unggul dan cemerlang. Justeru itu pihak pengurusan perlu merancang pelbagai program bagi meningkatkan budaya ilmu dan profesionalisme di kalangan guru dan kakitangan. Bagaimanapun guru sendiri harus bersedia meningkatkan kemahiran, ilmu pengetahuan dan sanggup pula berkorban dalam menangani karenah pelajar dan pihak pentadbiran sekolah di semua peringkat.

Aspek lain yang ketara, ialah kebanyakan guru tidak menunjukkan minat yang tinggi terhadap peningkatan ilmu dan intelektual, berdasarkan pemerhatian dan perbincangan dengan guru dan pihak lain. Guru kurang membaca bahan-bahan yang dapat menjana kemantapan ilmu dan profesionalisme bidang pendidikan, seperti jurnal, dokuman kajian dan buku-buku ilmiah terkini. Guru sering merungut bila diminta hadir dalam seminar, wacana ilmu dan bengkel mengenai pendidikan, sedangkan aktiviti-aktiviti begini merupakan sumber ilmu yang dapat meningkatkan kefahaman dan komitmen seseorang terhadap kerjaya perguruan dan budaya ilmu. Oleh itu usaha ke arah meningkatkan budaya ilmu dan peningkatan intelektualisme guru dan para pendidik perlu diperhebatkan, bagi menjamin kualiti dan keberkesanan institusi pendidikan ABIM mencapai tahap yang dihasratkan.

Kesimpulan

Dalam satu kajian yang dilaksanakan oleh Dr. Rosnani Hashim (UIA) mendapati bahawa kelemahan institusi pendidikan ABIM, disebabkan pihak Biro Pendidikannya kurang memberi kerjasama terhadap masalah yang dihadapi oleh pihak penyelia atau guru besar yang mengendalikan institusi tersebut, terutamanya TASKI di peringkat daerah. Antara isu yang sering ditimbulkan ialah soal kebajikan guru, persekitaran sekolah yang tidak ceria, penyelenggaraan bangunan, kekurangan alat bantu mengajar (ABM), bilik darjah yang tidak cukup, masalah kewangan dan sebagainya. Insya Allah tulisan ini dapat diperbincangkan secara mendalam dan menyeluruh, bagi mencari strategi penyelesaiannya, perbincangan ini akan dapat menghasilkan pelan bertindak yang objektif dan komprehensif, sesuai dengan kepakaran dan kemampuan yang sedia ada.

SENARAI RUJUKAN

1. A.L Tibawi, *Islamic Education*, (London, LUZAC & Company Ltd.), 1979.
2. Ali Khalil Abu Al Ainin, *Falsafah Al Tarbiyah Al Islamiyah Fi'l Qur'an*, Darul Fikir Al Arabi, 1985.
3. Dr Abuddin Nata, MA., *Pemikiran Para Tokoh Pendidikan Islam*, PT Raja Grafindo Persada, Jakarta, 2001.
4. Sayyid Qutb, *Dirasat Al Islamiah, (Terjemahan)*, Media Da'awah, Jakarta, 2000.
5. Dr Rosnani bt Hashim, *kajian TASKI ABIM, Kertas Seminar*, 2000.
6. Dr Abd Aziz Jamain, *Kertas Kerja Seminar Pendidikan ABIM*, 2000.
7. Wan Rohaya Wan Yaacob, *Penilaian Kualiti Program TASKI ABIM di beberapa kawasan di Negeri Selangor*, 2000.
8. Anthony Robbins, *UNLIMITED POWER*, Pocket Books, 2001.